

FKSU UMS Lancar Buku Festschrift "Borneo Dari Kepelbagaian Perspektif"

Terakhir dikemaskini: Rabu, 30 Januari 2019 11:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 232

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 30
JANUARI –
Fakulti

Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan Buku Festschrift bertajuk Borneo Dari Kepelbagaian Perspektif dalam satu majlis di Theatre Ahmad Nisfu, FKSU, baru-baru ini.

Dekan FKSU, Dr. Marsitah Mohd Radzi ketika berucap pada majlis itu berkata, Buku Festschrift tersebut adalah sebuah terbitan dedikasi yang menyanjung sumbangan seorang ilmuwan yang menyumbang kepada penulisan ilmu warisan pribumi Sabah, Prof. Dr. Low Kok On.

"Penulisan Festschrift ini merupakan bukti pengiktirafan rakan sepekerjaan, murid dan rakan seperjuangan terhadap sumbangan kesjarahan tokoh yang diangkat dalam bidang ilmunya.

"Borneo memang terkenal dengan flora dan fauna yang unik dan tersendiri, malah ia juga makmal sosial bagi pengkaji masyarakat pelbagai etnik, dan penerbitan buku ini menonjolkan tentang keberagaman ilmu, tanpa ada sempadan mengasingkan antara disiplin," katanya.

Jelas Dr. Marsitah, aspek sosial, politik dan budaya dalam masyarakat dibicarakan di dalam buku tersebut dengan bertanggungjawab oleh sebarisan ilmuwan dan pengkaji serius dari pelbagai disiplin ilmu.

"Sesungguhnya, di bahu para ilmuwan tergalas tanggungjawab untuk membangunkan korpus ilmu berasaskan kearifan tempatan, dan atas kesedaran inilah, bagi memastikan identiti manusia peribumi tidak samar dan hilang dalam peta dunia, wadah penyuburan budaya ilmu melalui penulisan buku sebegini sangat signifikan bagi mengangkat keternampakan fakulti dan universiti secara global," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, warga FKSU turut meraikan persaraan Prof. Dr. Low Kok On, yang menurut Dr. Marsitah akan terus memainkan peranan menerajui Institut Confucius walaupun selepas persaraan.